

23 JUL 1997

Mustapa-francais (bergambar)

KEDAI FRANCAIS MAKANAN ALA 7-ELEVEN DIPERKENALKAN

KUALA LUMPUR, 23 Julai (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Usahawan akan memperkenalkan 20 kedai francais makanan ala 7-Eleven yang beroperasi 24 jam menjelang akhir tahun ini.

Menteri berkenaan Datuk Mustapa Mohamed berkata ia sejajar dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mesyuarat kabinet hari ini supaya kementerian itu memperhebatkan penyertaan usahawan Bumiputera dalam aktiviti francais berasaskan makanan.

"Kita bercadang memperkenalkan tiga kategori francais makanan iaitu pasar mini dengan modal awal sebanyak RM10,000, kedai serbanika sebanyak RM12,000 dan pasar raya RM15,000," katanya selepas merasmikan rangkaian kedai "Fokus" milik Pernas Edar Sdn Bhd di sini hari ini.

Mustapa berkata hanya usahawan Bumiputera yang mempunyai minat mendalam terhdap perniagaan dan mempunyai modal mencukupi akan dipilih menyertai skim francais makanan itu.

Kementerian telah mengenal pasti 10 usahawan Bumiputera berpotensi yang akan dipilih sebagai kumpulan pertama dalam program francais makanan itu.

Mereka akan didedahkan dengan kaedah pengurusan terkini menggunakan komputer, aktiviti promosi dan pengiklanan yang meluas dan teknik penjenisan barangan secara sistematik, katanya.

Mustapa juga berkata kementerian itu bercadang memperkenalkan francais bentuk lain seperti barangan elektrik dan perkhidmatan penghantaran mel udara.

Pengurus Besar Pernas Edar Sdn Bhd, Hasran Fauzi berkata syarikat itu berjaya melahirkan lebih 7,000 peruncit Bumiputera berdasarkan konsep "Kedai Jimat" sejak ia diperkenalkan pada 1974.

"Kita berharap dapat mempertingkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor peruncitan ini dengan menyediakan bantuan kepakaran dan modal," katanya. -- BERNAMA

NY MAI